

TEKS UCAPAN

YB Datuk Rosnah Haji Abdul Rashid Shirlin

Timbalan Menteri Kerja Raya

**Program Latihan Praktikal Dan Khidmat Masyarakat: Kerja-
Kerja Baikpulih Dan Menaiktaraf Surau AI – Faizin, SK
Wawasan Seremban 2, Seremban Negeri Sembilan**

**Dewan Sekolah SK Wawasan Seremban 2, Seremban,
Negeri Sembilan, 24 November 2017**

BismillahiRahmanirRahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku
Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya pada hari ini, kita dapat berkumpul dalam Program Latihan Praktikal dan Masyarakat: Kerja-kerja Baikpulih dan Menaiktaraf Surau Al – Faizin, Sekolah Kebangsaan Wawasan pada pagi ini.

2. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) Negeri Sembilan di atas penganjuran program pada hari ini dan tidak ketinggalan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, CIDB Malaysia dan warga Sekolah Kebangsaan Wawasan di atas kesudian menjemput saya ke program ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Program Latihan Praktikal dan Khidmat Masyarakat anjuran Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Kerja Raya adalah sebenarnya bertujuan untuk menggalakkan para kontraktor Bumiputera melibatkan diri dalam rencana kemasyarakatan sekaligus menjurus kepada usaha melahirkan golongan serta kelompok usahawan dai'e, di mana kumpulan sebegini diasuh dan dipupuk supaya memiliki semangat suka bantu - membantu serta saling bekerjasama. Konsep kerjasama seperti ini akan mengoptimumkan bukan sahaja dari segi kos pembinaan tetapi akan membuka peluang untuk peningkatan perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam sektor pembinaan.

4. Saya dimaklumkan, objektif program latihan praktikal dan khidmat masyarakat ini yang telah dilaksanakan selama 2 hari yang bermula pada 22 November 2017 adalah untuk:

- Memberi latihan praktikal kepada kontraktor Bumiputera dan dalam masa yang sama dapat memberi sumbangan kepada warga Sekolah Kebangsaan Wawasan. Dengan adanya latihan seperti ini, dapat melahirkan kontraktor Bumiputera yang lebih kompeten dan lebih berdaya saing;
- Dapat mendekatkan agensi kerajaan dengan pihak sekolah dalam usaha kerajaan membudayakan konsep 'kebajikan tanggungjawab bersama' untuk kepentingan sosial negara;
- Menyediakan platform kepada kontraktor untuk berkongsi pengalaman dan kemahiran mereka tersendiri, di samping sebagai laluan *networking* sesama mereka dalam usaha untuk mengembangkan perniagaan; dan

- Membuka ruang kerjasama antara pihak Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Warga Sekolah Kebangsaan Wawasan dan juga pihak kontraktor Bumiputera bagi menyiapkan projek ruang solat tambahan Surau Al-Faizin.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Pihak Kerajaan secara amnya, melalui Kementerian Kerja Raya, selanjutnya menerusi agensi di bawahnya iaitu Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), telah banyak melakukan perubahan untuk merakyatkan perkhidmatan awam secara merencana serta melaksanakan langkah langkah penambahbaikan berbentuk *business process re-engineering* di mana pengeluaran Sijil Taraf Bumiputera (STB) telah dipermudah dan dipercepatkan. Semua jenis permohonan, samada pendaftaran baru atau permohonan pembaharuan taraf bumi, malah perubahan butiran maklumat

syarikat, kini boleh dibuat secara atas talian, bagi kemudahan para kontraktor Bumiputera berurusan.

6. Penambahbaikan proses kerja juga dibuat menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat setempat CIMS (*Centralised Information Management System*). Ini bertujuan menjimatkan masa proses, di mana keperluan mengemukakan dokumen telah dikurangkan dan hanya syarikat - syarikat atau permohonan taraf yang diragui sahaja akan disiasat, samada di premis operasi atau di tapak binaan.

7. Untuk makluman semua, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) telah merekodkan lebih 39,056 kontraktor yang layak mendapat Sijil Taraf Bumiputera (STB) di mana 23,000 daripadanya adalah kontraktor gred G1. Di Negeri Sembilan sahaja seramai 2,500 kontraktor Bumiputera berdaftar dari pelbagai gred dan 1,000 daripadanya adalah dari Daerah Seremban.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan, Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab ke atas pembangunan kontraktor Bumiputera, sentiasa menjalankan usaha bagi memastikan para kontraktor Bumiputera mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk bersaing dalam bidang binaan. Selain Latihan Praktikal dan Khidmat Masyarakat, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan turut melaksanakan lain - lain siri program pembangunan seperti kursus pengurusan am, kursus pengurusan pembinaan dan juga kursus teknikal. Kesemua ini adalah bertujuan memaksimumkan impak program terhadap masyarakat setempat dan para kontraktor dididik meningkatkan kompetensi secara berterusan, tanpa melupakan penerapan nilai – nilai murni dalam diri usahawan Bumiputera tempatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Menyedari hakikat bahawa pengetahuan teknikal semata - mata tidak menjamin kejayaan para kontraktor Bumiputera menyiapkan projek binaan, tanpa modal pusingan yang mencukupi, Kementerian Kerja Raya melalui Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan turut menyediakan bantuan pembiayaan wang pendahuluan projek dalam bentuk pinjaman yang dikenali sebagai Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK). Pinjaman ini diberikan kepada kontraktor G1-G5 yang telah mendapat projek persekutuan yang di pantau oleh JKR. Sehingga Oktober 2017, **3 kontraktor Bumiputera** telah dianugerahkan pinjaman SKWAK bagi Negeri Sembilan dengan nilai pinjaman sebanyak **RM 1.8 juta**. Ini bermakna kerajaan sentiasa komited dalam pelaksanaan agenda pembangunan Bumiputera.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Bagi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut perancangan, mulai 1 September 2017 Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan akan menjadi urusetia bersama di dalam Jawatankuasa Saringan Kontraktor Penyiap (JSKP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya yang menggantikan jawatankuasa projek sakit di setiap Kementerian berdasarkan **PK 4.5: Tatacara Pengurusan Projek Sakit Dan Pelantikan Kontraktor Penyiap Bagi Projek Sakit.**

11. Urusetia Jawatankuasa Saringan Kontraktor Penyiap (JSKP) berperanan dan bertanggungjawab untuk membuat saringan ke atas senarai kontraktor penyiap, mengemaskini senarai nama kontraktor penyiap setiap bulan, menyediakan senarai pendek kontraktor penyiap berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan untuk disahkan dalam mesyuarat

Jawatankuasa Saringan Kontraktor Penyiap (JSKP) apabila diminta oleh kementerian serta memantau prestasi kontraktor penyiap yang telah dilantik. Oleh yang demikian, para kontraktor Bumiputera disaran meningkatkan kemahiran dalam mengurus projek kerajaan di samping merebut peluang untuk disenarai pendek sebagai kontraktor penyiap.

Para hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

12. Saya percaya banyak lagi inisiatif yang akan dirangka dan dikenalpasti bukan sahaja Kementerian Kerja Raya tetapi keseluruhan jentera kerajaan bagi memastikan kontraktor Bumiputera dan seterusnya sektor pembinaan terus bersaing dalam pasaran tempatan dan luar negara.

13. Di bawah Kementerian Kerja Raya juga, pada tahun 2015, Program Transformasi Industri Pembinaan atau lebih dikenali sebagai CITP telah dilancarkan. Pelan transformasi yang bersifat *inclusive* dan menyeluruh ini dikuatkan dengan 4 teras

utama yang memfokus kepada kualiti, keselamatan dan profesional, kemampanan alam sekitar, produktiviti dan pengantarabangsaan.

14. Dalam era gelombang teknologi dan inovasi ini, sektor pembinaan dan penggiat industri termasuk kontraktor Bumiputera tidak terlepas dari impak perubahan seperti *4th Industrial Revolution*, *Internet of Things* dan banyak lagi. Justeru itu, inisiatif dan aktiviti di bawah CITP ini juga mencakupi pembangunan penggiat industri Bumiputera terutamanya dari segi kemahiran tred pakar, melahirkan lebih ramai usahawan dan membukan peluang menerusi program “carve-out and compete”.

15. Bagi memastikan upaya daya saing penggiat Bumiputera industri pembinaan tetap meningkat, kontraktor dan usahawan Bumiputera perlu meneroka peluang baru terutamanya dalam bidang *Industrialised Building Systems (IBS)*, *Building Information Modelling (BIM)* dan *Facility Management (FM)*.

Pada masa yang sama, kontraktor dan usahawan Bumiputera juga perlu melihat potensi pengambilan graduan-graduan program *Technical Education and Vocational Training* (TVET) dalam projek-projek yang dilaksanakan bagi mengurangkan isu kebergantungan kepada pekerja asing terutamanya bagi kategori pekerja mahir (skill workers).

YBhg. Dato' , Tuan-tuan, Puan-puan dan para jemputan sekalian,

16. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan program latihan praktikal dan masyarakat. Kepada para kontraktor Bumiputera yang hadir, terima kasih juga diucapkan dan tahniah serta syabas kerana berjaya menyertai program-program anjuran Kementerian Kerja Raya.

17. Sehubungan itu, dengan lafaz BismillahirRahmanirRahim, saya dengan ini sukacita merasmikan **Program Latihan Praktikal dan Masyarakat: Kerja-kkerja Baikpulih dan Menaiktaraf Surau Al – Faizin, Sekolah Kebangsaan Wawasan** pada pagi ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.